

Kesan Pentadbiran Jepun terhadap Perkembangan Awal Politik di Terengganu

Impact of Japanese Administration on the Early Development of Terengganu Politics

Ilyas Abdullah^{1*}, Ku Hasnan Ku Halim², Mohammad Tawfik Yaakub³

¹ Faculty Administrative Science & Policy Studies, UiTM Pahang, Raub Campus, MALAYSIA

² Center for General Studies and Co-curriculum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, MALAYSIA

³ Department of Administrative Studies and Politics, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, MALAYSIA

*Pengarang Utama: ilyasabdullah@uitm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2024.04.02.006>

Maklumat Artikel

Diserah: 26 September 2024
Diterima: 30 November 2024
Diterbitkan: 10 Disember 2024

Kata Kunci

Jepun, British, Terengganu, Kesatuan Melayu Muda, UMNO, PAS

Abstrak

Kemunculan kesedaran kebangsaan di Terengganu adalah agak perlahan jika dibandingkan dengan kemunculan kesedaran kebangsaan di negeri-negeri lain. Meskipun sekolah pondok banyak diusahakan oleh ulama terkenal Terengganu, namun arah haluan pendidikannya lebih memberikan tumpuan kepada pendidikan agama semata-mata. Penubuhan persatuan-persatuan yang bercorak politik seperti Kesatuan Melayu Singapura dan Kesatuan Melayu Selangor turut tidak memberi inspirasi kepada orang Melayu Terengganu. Perkembangan pendidikan moden yang perlahan juga turut menyumbang kepada kurangnya minat masyarakat Melayu Terengganu terhadap hal ehwal yang bersangkutan dengan politik kepartian. Walau bagaimanapun, pentadbiran Jepun di Terengganu telah memberikan kesan kepada kesedaran semangat kebangsaan dan juga perkembangan awal politik di Terengganu. Penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dianggap sebagai pembuka jalan kepada penubuhan parti-parti politik Melayu sekitar tahun 40-an. Semenjak penubuhan KMM, kesedaran politik masyarakat Melayu Terengganu menjadi bertambah kukuh kesan daripada pentadbiran Jepun. Selepas tahun 1946 masyarakat Melayu semakin bergiat aktif dalam politik sehingga turut dianggap sebagai masyarakat yang paling aktif berpolitik di Asia.

Keywords

Japan, British, Terengganu, Young Malay Movement, UMNO, PAS

Abstract

The emergence of political awareness in Terengganu is relatively slow as compared to the emergence of political awareness in other states. Although the religious school is largely run by Terengganu's famous ulama, its educational direction is more focused on religious education. The establishment of political associations such as the Malay Union of Singapore and the Selangor Malay Union also did not inspire the Terengganu Malays community. The slow development of modern

education also contributed to the lack of interest of the Terengganu Malay community in affairs related to partisan politics. However, the Japanese administration in Terengganu has impacted the awareness of the national spirit as well as the early political developments in Terengganu. The establishment of the Young Malays Union (KMM) was considered as the pavement to the establishment of Malay political parties in the year of 1940s. Since the establishment of KMM, the political awareness of the Terengganu Malay community has become stronger as a result of the Japanese administration. After 1946, the Malay community became more active in politics, thus being considered the most politicised society in Asia.

1. Pendahuluan

Perancangan Jepun untuk menyerang Tanah Melayu sebenarnya telah dirancang seawal tahun 1938 melalui kerjasama yang melibatkan kerajaan Thailand di bawah pimpinan Perdana Menteri Phibul Songkhram dengan Jepun. Kerjasama antara Phibul Songkhram dengan Jepun mendapat restu daripada parlimen Thailand. Persetujuan ini adalah bagi mendapatkan semula tanah jajahan Thailand yang diserahkan kepada Indo China. Perkara ini juga turut dipengaruhi oleh kekalahan Perancis di tangan Jerman. Thailand turut membenarkan Jepun membuka pejabat Konsular pada bulan Mac tahun 1941 di Songkhla. Jepun kemudiannya telah menguasai Indo China pada Disember 1941. Jepun telah menggunakan propaganda "Lingkungan Kesemakmuran Asia Untuk Asia" dalam kempen serangan tersebut. Jepun mula mengisytiharkan perang terhadap pihak berikat pada 8 Disember 1941 dengan melancarkan serangan ke atas Kota Bharu menerusi Thailand. Dua hari berikutnya, tentera Jepun mula berjaya menguasai Terengganu. British telah menyerah kalah kepada tentera Jepun di Singapura pada 15 Februari 1942 setelah gagal mempertahankan Tanah Melayu. Pentadbiran Jepun di Terengganu diketuai oleh seorang pegawai Jepun bernama T. Obata. Beliau diberikan kuasa untuk menguruskan pentadbiran negeri Terengganu sementara Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dikekalkan di atas takhta kerajaan Terengganu. T. Obata turut mengekalkan segala peraturan dan undang-undang serta pentadbiran pejabat yang sedia ada (Abdullah, 1996).

Kekosongan jawatan yang ditinggalkan oleh pegawai British diisi oleh pegawai-pegawai Melayu. Di bawah pentadbiran tentera Jepun, tiap-tiap negeri diletakkan di bawah pentadbiran seorang gabenor. Di Terengganu jawatan gabenor atau Syuciji disandang oleh Kikuro Fujisawa yang tiba di Terengganu pada 18 Mac 1942. Dalam pentadbiran tentera Jepun di Terengganu, gabenor merupakan pihak yang paling berkuasa dalam pentadbiran. Segala peraturan dan enakmen negeri adalah di atas nama gabenor bukan lagi sultan seperti sebelumnya. Selain daripada itu, penduduk Terengganu juga diarahkan untuk memberikan penghormatan kepada pegawai dan tentera Jepun yang bertugas sebagai balasan kerana membebaskan Terengganu daripada penjajahan pengaruh kuasa British. Penghormatan terhadap pegawai dan tentera Jepun dilakukan dengan cara memberikan tunduk hormat setiap kali bertemu atau melintasi tentera Jepun yang sedang berkawal. Kemunculan kesedaran kebangsaan di Terengganu adalah agak perlahan jika dibandingkan dengan kemunculan kesedaran kebangsaan di negeri-negeri lain (Han Kohn, 1967). Meskipun sekolah pondok banyak diusahakan oleh ulama terkenal Terengganu seperti Tok Pulau Manis, Tuan Guru Haji Hussein, Tuan Guru Haji Muhammad dan Haji Mat Shafie, namun arah haluan pendidikannya lebih memberikan tumpuan kepada pendidikan agama semata-mata. Walaupun persatuan sarekat yang berasal dari Indonesia pernah bertapak di Terengganu pada awal tahun 1920-an, namun pergerakan tersebut tidak dapat berkembang di Terengganu berikutan larangan yang dikeluarkan oleh pihak istana terhadap rakyat Terengganu agar tidak melibatkan diri dengan persatuan tersebut. Kemunculan kesedaran kebangsaan orang-orang Melayu yang bermula dengan kesedaran untuk mengatasi kelemahan ekonomi yang disaingi oleh orang asing di awal abad ke-20 sehingga membawa kepada konflik pandangan di antara Kaum Tua dan Kaum Muda turut tidak sampai ke pengetahuan orang-orang Melayu Terengganu. Hal tersebut berkait secara langsung dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Terengganu yang mengharamkan memasukkan suratkhbar dan majalah terbitan Kaum Muda (Mohd Sarim, 1975).

2. Permasalahan Kajian

Perkembangan pendidikan moden yang perlahan di Terengganu menyumbang kepada kurangnya minat masyarakat Melayu Terengganu terhadap hal ehwal yang bersangkutan dengan politik kepartian. Intelektual Melayu yang mendapat pendidikan di Timur Tengah digolongkan sebagai Kaum Muda manakala alim ulama di Tanah Melayu dianggap sebagai Kaum Tua. Konflik pandangan yang wujud di antara kedua-dua golongan ini berikutan tindakan Kaum Muda yang cuba menyusun usaha baru dengan membawa idea nasionalis bagi mengatasi masalah orang Melayu. Sementara Kaum Tua pula cuba mempertahankan nilai tradisi budaya klasik yang lebih ortodoks dengan memberikan keutamaan kepada aspek akhirat sehingga menegtepikan aspek keduniaan. Kaum Tua terdiri daripada ulama, guru agama, imam dan kadi yang dilantik oleh sultan. Pertentangan ini juga wujud kerana raja-raja Melayu dan ulama yang konservatif masih mengharapkan Inggeris

sebagai pelindung mereka daripada ancaman luar (Jamaie, 2005). Penubuhan persatuan-persatuan yang bercorak politik seperti Kesatuan Melayu Singapura dan Kesatuan Melayu Selangor turut tidak memberi inspirasi kepada orang Melayu Terengganu. Pertubuhan siasah di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu seperti Kesatuan Singapura (1926), Kesatuan Melayu Selangor (1935) dan beberapa perjumpaan Kongres Melayu Semalaya yang diadakan dari tahun 1937 hingga 1940 juga tidak sampai ke pengetahuan keseluruhan orang-orang Melayu Terengganu (Roff, 1967). Walau bagaimanapun, pentadbiran Jepun di Terengganu telah memberikan kesan kepada kesedaran semangat kebangsaan dan juga perkembangan awal politik di Terengganu.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan penyelidikan perpustakaan. Kaedah ini memerlukan penyelidik untuk mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan yang diperolehi daripada buku, jurnal, dokumen dan rekod rasmi yang berkaitan dengan kajian yang dipersoalkan. Teknik ini adalah yang paling popular untuk penyelidikan sosial sains. Ia juga merupakan kaedah yang paling popular untuk penyelidikan berdasarkan pengumpulan data dan arkib. Oleh itu, penyelidikan perpustakaan, sebagai satu kaedah yang digunakan oleh kajian ini, telah digunakan secara intensif untuk memperoleh buku, jurnal, penerbitan berkala dan bukan berkala, prosiding dan lain-lain yang berkaitan dengan kajian ini.

4. Pentadbiran Jepun Di Terengganu

Pentadbiran tentera Jepun di Terengganu telah membataskan kuasa sultan atas perkara yang berkaitan dengan adat istiadat dan urusan agama Islam sahaja. Sultan juga tidak dibenarkan untuk mencampuri urusan pentadbiran negeri. Perkataan Duli Yang Maha Mulia dalam mesyuarat yang tercatat pada segala peraturan dan undang-undang telah dibatalkan. Tentera Jepun telah menggariskan bahawa segala peraturan dan undang-undang yang dilaksanakan adalah disifatkan sebagai Undang-Undang dan Peraturan *Dai Nippon*. Selain itu juga, sultan juga ditegah daripada menggunakan bendera berwarna kuning putih kerana warna itu digunapakai oleh Jeneral Jepun. Tentera Jepun juga turut memansuhkan jawatan Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Negeri. Larangan turut dikuatkuasakan terhadap pemakaian bendera kerajaan atau Jepun pada kenderaan sultan. Jepun juga menegah untuk menaikkan sebarang bendera di perkarangan istana kerana dianggap bukan sebahagian daripada agama (Abdullah, 1996).

Sultan juga dilarang daripada menggunakan lambang Kerajaan Negeri yang berbentuk mahkota dan keris kerana dianggap bukan cop keturunan sultan tetapi sebagai cop bagi kerajaan terdahulu. Bunyian nobat yang biasanya digunakan dalam istiadat istana turut dilarang oleh pentadbiran Jepun. Pihak Jepun menyatakan bahawa bunyian nobat tiada kaitan dengan agama serta menyatakan bahawa bunyi-bunyian turut dilarang dalam agama. Walau bagaimanapun pentadbiran tentera Jepun telah mengubah dasar berkaitan dengan kedudukan sultan dalam persidangan Raja-Raja Melayu yang berlangsung di Singapura pada bulan Januari tahun 1943 dengan jaminan bahawa sultan akan dihormati oleh pegawai Jepun sebagai ketua agama. Sultan juga diberikan jaminan bahawa kedudukan, kehormatan dan harta baginda akan dilindungi. Sultan turut diberikan tanggungjawab sebagai penolong pemerintah Dai Nippon oleh Pemerintah Tentera Agung, gabenor dan juga pegawai-pegawai Jepun.

Abdullah (1996) menyatakan Terengganu telah mengalami perubahan dalam pemerintahan apabila pihak Jepun menyerahkan pentadbirannya kepada pihak Thai pada tahun 1943. Pentadbiran tentera Thai mengambilalih tampuk pemerintahan negeri Terengganu secara rasminya pada 18 Oktober 1943. Pentadbiran Thai turut menyeru semua kakitangan kerajaan supaya meneruskan pekerjaan masing-masing serta taat kepada segala arahan pihak berkuasa Thai. Pihak Thai juga memberikan jaminan untuk tidak memecat pekerja tetapi bahkan akan mengambil berat ke atas kebajikan pekerja. Pemerintah tentera Thai juga mengarahkan supaya mengibarkan bendera Thai di pejabat kerajaan. Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai merupakan pihak yang berkuasa ke atas pemerintahan negeri Terengganu. Pada Disember 1943 kerajaan Thai telah membuat persiapan untuk menyerahkan kembali pentadbiran negeri Terengganu kepada sultan. Sultan akan menjadi ketua negeri manakala tentera Thai berperanan sebagai penasihat. Segala larangan yang dilakukan semasa pemerintahan tentera Jepun di Terengganu berkaitan dengan adat istiadat raja-raja, menaikkan bendera dan pemakaian logo pada kenderaan sultan telah dihapuskan. Pihak berkuasa Thai tidak mencampuri perkara yang berkaitan dengan adat dan agama Islam. Begitu juga dengan bendera, Sultan Ali sebagai Sultan Terengganu dibenarkan untuk menaikkan bendera kerajaan negeri yang pernah digunapakai oleh Sultan Zainal Abidin III di tiang. Pembaharuan turut dilakukan oleh pihak Thai berkaitan dengan penubuhan semula Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu pada 27 November 1943 oleh Pesuruhjaya Tentera Thai Terengganu. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu telah bersidang semula pada 14 Disember 1943 sejak dimansuhkan selepas tentera Jepun menjalankan pentadbiran di Terengganu. Penubuhan semula Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu ini telah melahirkan kegembiraan kepada sultan dan pihak kerabat diraja serta rakyat Terengganu. Kegembiraan Sultan Ali tergambar daripada ucapan baginda seperti:

“...yang demikian lemahlah beta hendak menerangkan bagaimana kegembiraan (kegembiraan) beta pada ketika menyambut dan sepanjang-panjang masa kemudian akan limpah keadilan dan timbang rasa yang begitu cemerlang melainkan tertanamlah kenang-kenangan ini dalam ingatan yang kebajikan juga selama- lamanya...”

Selain itu sepertimana pentadbiran tentera Jepun, pentadbiran tentera Thai juga melaksanakan dasar dengan menerapkan nilai-nilai Thai dalam pentadbiran. Pejabat dan rumah di Terengganu diarahkan menaikkan bendera Thai selama tiga hari ketika sambutan Hari Kebangsaan Thailand serta sambutan hari kelahiran Raja Thailand. Kerajaan tentera Thai Terengganu turut menyambut tahun baru di mana Pesuruhjaya Tentera meminta semua bangunan pejabat kerajaan, rumah pegawai, perniagaan, dan orang ramai mengibarkan bendera Thai. Sempena sambutan tahun baru cuti kelepasan am diisytiharkan selama tiga hari. Pentadbiran tentera Thai di Terengganu telah berakhir pada 15 Ogos 1945 berikutan kekalahan tentera Jepun kepada Pihak Berikat. Tanah Melayu kembali berada di bawah pentadbiran tentera British. *Gabenor Officer Commanding the Military Force Malaya* telah diberikan kuasa perundangan, pentadbiran, tanggungjawab ke atas harta rakyat dan harta tanah Melayu oleh Pemerintah Tertinggi Kuasa Berikat. *Chief Civil Affairs Offices* pula diamanahkan untuk membantu pentadbiran di Tanah Melayu di mana setiap negeri diletakkan di bawah pentadbiran *Senior Civil Affairs Officer*.

5. Perkembangan Awal Politik Terengganu

Penjajahan Jepun telah menyaksikan berlakunya transformasi dalam aspek politik di Terengganu. Kemunculan beberapa pertubuhan bercorak politik di Terengganu telah menyemarakkan lagi semangat nasionalisme di kalangan masyarakat Melayu menentang penjajahan. Selepas kekalahan Jepun, British kembali menguasai politik dan pentadbiran Terengganu. Tindakan British untuk menubuhkan Malayan Union dengan cara mendapatkan persetujuan daripada sultan secara paksa menyebabkan masyarakat Melayu bangkit menentang dengan mengadakan beberapa siri bantahan. Hal ini kerana tindakan British untuk menubuhkan Malayan Union dilihat sebagai bertentangan dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu yang melarang sebarang bentuk penyerahan negeri Terengganu kepada sebarang kuasa asing. Bagaimanapun selepas berhadapan dengan siri bantahan, British akhirnya bersetuju untuk mengadakan Pilihan raya Negeri pertama pada 29 Oktober 1954 iaitu tiga bulan selepas peristiwa bersejarah di Padang Maziah hasil daripada permuafakatan orang-orang Melayu menentang Malayan Union. Dalam pilihan raya tersebut kesemua 15 calon daripada UMNO berjaya menewaskan pesaing masing-masing yang terdiri daripada calon Parti Negara dan BEBAS. Sejak itu semakin banyak cawangan UMNO ditubuhkan di Terengganu mendorong kewujudan UMNO di Terengganu.

Beberapa Persatuan Melayu yang bergerak di daerah-daerah antaranya di Kemaman, Dungun dan Kuala Terengganu dibubarkan selepas perisytiharan penubuhan UMNO di Johor Bharu pada 11 Mei 1946. Walau bagaimanapun tarikh penubuhan UMNO Terengganu serta cawangan yang pertama di negeri tersebut tidak dapat dipastikan dengan tepat. UMNO cawangan Kemaman dikatakan antara yang paling awal berkembang dan maju di Terengganu (Sharif Putera, 1996). Hal ini sedikit berbeza apabila kewujudan UMNO tidak begitu berkembang di Kuala Terengganu dan Besut ekoran terdapatnya PKMM di daerah tersebut. Justeru masyarakat Melayu di daerah tersebut dikatakan mempunyai pilihan dan mengambil sikap lebih berhati-hati. UMNO cawangan Seberang Takir hanya ditubuhkan selepas PKMM dibubarkan oleh Inggeris pada 11 Mei 1948. Walau bagaimanapun kegiatan UMNO dalam tempoh awal penubuhannya di Terengganu tidak banyak dicatatkan. Dalam tempoh tersebut kegiatan UMNO lebih tertumpu kepada perjuangan menolak Malayan Union dan memperjuangkan satu dasar baru yang menjamin kedaulatan status kesultanan Melayu dan bangsa Melayu (Sharif Putera, 1996).

Sementara itu, PAS pula telah ditubuhkan secara rasmi pada 24 November 1951. Idea asal penubuhannya dicetuskan oleh Ustaz Abu Bakar dan penubuhannya direalisasikan pada 23 Ogos 1951. PAS merupakan satu-satunya parti politik Melayu berlandaskan perjuangan Islam yang ditubuhkan sebelum merdeka selepas pengharaman Hizbul Muslimim (HAMIM) oleh pihak British pada 1948. Di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin Al-Helmi PAS menempa kejayaan yang gemilang dengan meletakkan dasar perjuangan mendapatkan kemerdekaan penuh bagi Tanah Melayu. Selain itu beliau turut menggariskan beberapa prinsip perjuangan PAS dengan menjadikan agama rasmi dalam erti kata yang sebenar berlandaskan ajaran al-Quran dan Sunnah, kebangsaan negeri ini mestilah Melayu, rakyat bukan Melayu mesti mengakui bahawa bangsa Melayu adalah penduduk asal di negara ini serta menentang prinsip *jus soli* (Ismail Said, 1969).

Dalam soal pengisian kemerdekaan, PAS begitu menekankan soal menjalankan hukum-hakam Islam dalam pentadbiran negara. Tindakan PAS berjaya menarik sokongan ulama pondok dan juga masyarakat tani. Dalam masa dua tahun selepas penubuhannya, PAS berjaya mengembangkan sayapnya ke Pantai Timur dengan penubuhan cawangan pertama di Pekan Pasir Mas Kelantan pada 23 Julai 1953 (Baharudin, 1989). Sementara itu, dalam Pilihan Raya Persekutuan pertama yang diadakan pada 27 Julai 1955, UMNO telah meletakkan calonnya di kawasan Terengganu Utara yang meliputi Kuala Nerus hingga ke Besut, kawasan Terengganu

Tengah merangkumi Kuala Terengganu hingga Hulu Terengganu manakala kawasan Terengganu Selatan meliputi Dungun hingga Kemaman. Ketiga-tiga calon UMNO mudah mengalahkan lawan daripada Parti Negara dengan majoriti yang besar.

Di tengah-tengah keghairahan UMNO meraikan kemenangan serta tertubuhnya cawangan UMNO di merata kawasan, PAS mulai turut menyusup dan melebarkan pengaruhnya di Terengganu. Pengaruh PAS di Terengganu mula bertapak pada tahun 1956, setahun selepas Pilihanraya Persekutuan pertama diadakan pada 27 Jun 1955. Cawangan pertama PAS di Terengganu di tubuhkan di Dungun pada 6 Julai 1956. Majlis penubuhannya dilakukan di Madrasah az-Zainiyah, Sura Gate. Seramai 23 orang penggerak utama politik Islam dari seluruh negeri dikatakan telah berkumpul untuk membincangkan penubuhannya. Cawangan PAS kemudiannya diperluaskan lagi di Kuala Terengganu diikuti cawangan Kemaman pada tahun 1957, cawangan Besut dan Kuala Berang pada tahun 1958. Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu (BPPNT) pula ditubuhkan pada tahun 1957. Haji Muhammad Asri merupakan pesuruhjaya BPPNT yang pertama. Perlantikan beliau dilakukan sejak tahun 1956 lagi sebagai Pesuruhjaya merangkumi Kelantan dan Terengganu (Nassir Awang, 2011).

Walaupun PAS telah wujud seawal tahun 1951, namun PAS hanya bertapak di negeri Terengganu pada tahun 1956 (Zulkifli Sulong, 1994). Sejak dari itu PAS dan UMNO menjadi pesaing politik yang paling signifikan dalam perkembangan politik di Terengganu. Menurut Tarmizi (1994) masyarakat Terengganu turut dikatakan sebagai masyarakat yang paling aktif berpolitik di Asia. Sepertimana pernyataan berikut:

"...Terengganu are possibly the most politicised place in Asia. Everyone I met talked in term of UMNO and PAS, development and Islam..."

6. Kesimpulan

Kesedaran ke arah gerakan berpolitik masyarakat Melayu Terengganu hanya muncul di akhir tahun 1930an. Pada hakikatnya kesedaran berpolitik masyarakat Melayu Terengganu adalah digerakan oleh golongan yang mendapat pendidikan dari sekolah Melayu dan sekolah menengah agama. Ringkasnya golongan ini lahir dengan wujudnya sistem persekolahan Melayu yang diperkenalkan oleh Inggeris dan dengan penubuhan sekolah menengah agama. Perkembangan sistem pelajaran tersebut turut membantu mempercepatkan kesedaran berpolitik rakyat Terengganu dengan lahirnya golongan-golongan yang tahu membaca dan menulis. Melalui pembacaan-pembacaan, mereka telah ditanam dengan bibit-bibit kesedaran kebangsaan dan semangat anti penjajahan (Roff, 1967). Kesedaran semangat kebangsaan tersebut memudahkan lagi penyerapan masuk idea-idea perjuangan Kesatuan Melayu Malaya yang di pimpin oleh Ibrahim Yaakob ke Terengganu pada tahun 1939. KMM merupakan sebuah gerakan politik Melayu yang berjuang untuk melenyapkan belenggu penjajahan asing dan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu serta juga ingin membawa Malaya bersama-sama dengan jajahan British dan Belanda di rantau Asia Tenggara ke dalam satu Persekutuan yang dinamakan Indonesia Raya yang akan menjadi satu bangsa yang besar di Asia Tenggara KMM merupakan badan politik yang paling awal muncul di Terengganu.

Di awal pendudukan Jepun ahli-ahli KMM telah memberikan sokongan dan kerjasama kepada Jepun. Sokongan ahli-ahli KMM di Terengganu adalah atas harapan *"an asian colonial power was somehow better than its western counter-part..."* (Mat Zelan Abd Rahman, 1978). Walaupun Terengganu menerima kesedaran politik yang agak lambat berbanding negeri lain, tetapi dengan penubuhan KMM ianya menjadi pemangkin kepada perkembangan pergerakan bercorak politik di Terengganu. Penubuhan KMM dianggap sebagai pembuka jalan (*force-runner*) kepada penubuhan parti-parti politik Melayu sekitar tahun 1940-an. Semenjak penubuhan KMM, kesedaran politik masyarakat Melayu Terengganu menjadi bertambah kukuh kesan daripada pendudukan Jepun. Pendudukan Jepun telah banyak meniupkan semangat kebangsaan di kalangan masyarakat Melayu dengan propagandanya memburuk-burukan penjajahan barat disamping melantik anak-anak Melayu tempatan ke jawatan penting dalam pentadbiran yang selama ini hanya dimonopoli oleh British. Selepas tahun 1946 orang Melayu Terengganu semakin bergiat aktif dalam politik sehinggalah berlakunya transformasi politik di Tanah Melayu daripada sistem politik feodal kepada sistem politik moden.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia kerana menerbitkan penulisan ini.

Konflik Kepentingan

Tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Kerja ini dilaksanakan dengan kerjasama semua penulis.

Rujukan

- Abdullah Zakaria, 1991. Perjuangan Orang Melayu Menentang British di Terengganu, 1909- 1957. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdullah Zakaria, 1996. Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu 1942-1945. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Baharudin Ali Masrom, 1989. Politik Melayu Abad 21. Kuala Lumpur: 'D' Enterprise.
- Han Kohn, 1967. The Idea of Nationalism. Collier Books: New York.
- Ismail Said, 1969. Menegak Agama Membela Bangsa: Perjuangan PAS 1951- 1970. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah.
- Jamaie Hamil, Mohd Mahadee, Nidzam, Suzanna & Zaini, 2005. Budaya Politik Melayu: Kesenambungan dan Perubahan. Dlm. Sity Daud & Zarina Othman (pnyt). Politik Dan Keselamatan. Bangi: Universiti Kebangsaan.
- Mat Zelan Abd. Rahman, 1978. Politik Melayu Terengganu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sarim Mustajab (1975). Islam dan perkembangannya dalam masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu 1900-1940an. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nassir Awang, 2011. Masa Untuk Tok Guru Buktikan: Pas Mampu Pimpin Malaysia. Selangor: Penerbitan Pemuda.
- Roff, W.R., 1967. The Origins of Malay Nationalism. University of Malaya Press: Kuala Lumpur.
- Sharif Putera, 1996. Sejarah UMNO Terengganu 1946-1996. Dlm. 50 Tahun UMNO Terengganu. Kuala Terengganu: Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu, hal. 38-68.
- Tarmizi Mohd Jam, 1994. Nafikan Tahun Sapu Bersih UMNO: Terengganu Milik APU. Kuala Lumpur: Rangkaian Minda Publication
- Zulkifli Sulong, 1994. Operasi Tawan Terengganu. Batu Caves: Penerbitan Pemuda.